

## **AMALAN PERLADANGAN BABI YANG BAIK**

### **PENCENALAN**

Memandangkan peningkatan taraf hidup, kesedaran ke atas keselamatan makanan dan kebajikan ternakan telah bertambah, maka amalan ternakan yang baik telah menjadi kritikal bagi memastikan pengeluaran dan produk ternakan berkualiti. Penggunaan Amalan Penternakan Yang Baik akan membantu pemeriksaan oleh pihak berkuasa dan menggalakkan perdagangan domestik dan antarabangsa.

Jika ladang mencapai tahap kecemerlangan dalam pengeluaran dan kawalan penyakit, ini dapat diterjemahkan kepada keuntungan. Penekanan adalah terhadap pencegahan dan kawalan dan bukan bergantung kepada ujian produk terakhir serta kaedah pemeriksaan tradisionai. Ini sangat mengurangkan risiko kesihatan kepada pengguna.

Haiwan adalah dipelihara dan dipilih secara tidak semulajadi dan bergantung kepada manusia untuk penjagaan dan makanan. Oleh yang demikian tingkah laku perikemanusiaan terhadap ternakan pemeliharaan perlu sentiasa diberi. Maka keperluan kebajikan ternakan seperti keselesaan, perolehan air dan makanan segar, pergerakan yang wajar, pencegahan, diagnosis dan rawatan perlu diberi perhatian untuk kebaikan ternakan.

Penggunaan CAHP adalah pendekatan 'multidisciplinary' dan memerlukan komitmen sepenuhnya pihak pengurusan dan tenaga kerja. Implementasi memerlukan penglibatan semua pekerja, tanggungjawab jelas, prosedur berdokumen, pengrekodan, verifikasi dan pengauditan. Latihan dan pendidikan adalah mustahak untuk implementasi CAHP dengan jayanya oleh ladang. Adalah mustahak ladang bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam implementasi program CAHP. Ini akan meningkatkan kualiti dan keselamatan produk ladang, yang akan membawa kemajuan kepada industri dan manfaat kepada penternak dalam jangka masa panjang. Penggunaan CAHP adalah proses dinamik dan ladang perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan amalan pengurusan supaya prinsip CAHP lebih berhasii.

Amalan Penternakan Yang Baik ini adalah satu kod amalan untuk penternak, pengeluar, penyimpan stok, pengangkut dan saintis, memberi maklumat dan panduan dalam amalan penternakan yang baik dan tidak

menjadi manual pengeluaran dan juga tidak menjadi komprehensif bagi semua keadaan. Beberapa faedah utama yang boleh diperolehi dengan pelaksanaan Amalan Penternakan Yang Baik adalah seperti berikut:-

- f Penubuhan ladang berkualiti.
- \*• Peningkatan produktiviti dan persaingan serta pengurangan kos pengeluaran.
- >• Industri mesra alam dan mapan.
- >- Diterima masyarakat.
- >- Keyakinan pengguna terhadap "wholesomeness".
- s- Pencegahan dan kawalan penyakit.

#### 1. LOKASI LADANG DAN INFRASTRUKTUR

- a) Ladang perlu ada satu pelan menunjukkan lokasi ladang menandakan jalan utama, kampung, pekan dan saliran air dalam lingkungan 5km. Satu lagi pelan perlu menunjukkan struktur di ladang menandakan orientasi kandang babi, pagar sekeliling kawasan pengeluaran dan jarak kandang babi serta sistem pengolahan sisa ke pagar sekeliling.
- b) Pelan perlu sentiasa berada di ladang. Satu salinan pelan perlu dihantar kepada jabatan Perkhidmatan Haiwan.
- c) Kawasan pengeluaran ladang perlu dipagar. jarak antara kandang babi dan pagar mesti tidak kurang daripada 1 Om.
- d) jarak antara sistem pengolahan sisa dan pagar juga mesti tidak kurang daripada 1 Om.

Catalan: Syarat tambahan bagi PFA lokasi ladang tidak kurang 0.5km daripada sebarang rumah kediaman. Hanya stesyen pekerja dibenarkan di ladang. Penternak dan/atau ahli keluarganya tidak dibenarkan menginap di ladang.

#### 2. PERUMAHAN

- a) Babi perlu dipelihara dalam kandang yang mempunyai pengudaraan baik.

- b) Kandang perlu berbumbung.
- c) Lantai perlu berkonkrit (berselat atau tidak berselat).
- d) Lantai tidak berselat mesti tidak ada keretakan supaya sisa dan air buangan tidak terkumpul.
- e) Lantai berselat digalakkan bagi mengurangkan penggunaan air untuk mandi dan cuci lantai.
- f) jarak antara kandang perlu tidak kurang daripada 4m.
- g) Kawasan berbumbung kandang babi, pejalan kaki dan lorong pada dua sebelah kandang perlu tidak kurang daripada 1.4m<sup>2</sup>/SPR
- h) Kandang babi perlu berorientasi haluan Timur-Barat kecuali jika disebabkan topografi atau sebab munasabah lain untuk mengurangkan pancaran matahari terus kepada babi. Adalah disyorkan kandang babi perlu sempit, 8-9m lebar, dengan panjang kandang ditetapkan oieh panjang kandang yang diperlukan untuk menampung semua petak untuk kelahiran atau oleh panjang kandang yang boleh menampung semua anak babi cerai susu. Ini akan membekalkan penjagaan ternakan maximum dengan tidak mendedahkan babi kecil (ternakan yang paling mudah luka) kepada babi dan pekerja lain.

Syarat tambahan bagi PFA: Ruang yang cukup untuk babi adalah seperti berikut:-

JENIS PETAK	RUANG MINIMUM	1
Petak untuk kelahiran	4.32m <sup>2</sup> /petak	
Petak ibu babi	1 .44m <sup>2</sup> /petak	
Petak ibu cerai susu	1 .80m <sup>2</sup> /ibu cerai susu	
Petak babi jantan	8.64m <sup>2</sup> /petak	
Petak anak babi cerai susu	0.50m <sup>2</sup> /anak babi cerai	susu
Petak babi membesar	0.78m <sup>2</sup> /babi membesar	
Petak babi membesar (jualan)	1 .30m <sup>2</sup> /babi membesar	(jualan)

### 3. MAKANAN DAN AIR

- a) Semua babi perlu dibekalkan makanan seimbang.
- b) Hanya ubat-ubatan yang dibenarkan diguna dalam makanan,
- c) Tempoh penarikan balik ubat-ubatan yang digunakan mesti diikuti dengan tegas.
- d) Semua babi mesti diberi air minuman bersih yang cukup.
- e) Makanan yang diproses atau dibeli perlu mengikut panduan CMP (Amalan Pembuatan Yang Baik) dan HACCP.

### 4. KESIHATAN DAN PAKAIAN PEKERJA

- a) Kesihatan semua pekerja adalah baik.
- b) Seorang pekerja tidak patut diberi tugas di tempat yang membahayakan kesihatannya atau di tempat yang akan mengancam keadaan perubatan semasanya.
- c) Pekerja perlu menjalani pemeriksaan perubatan jika diarahkan oleh pihak berkuasa.
- d) Semua pekerja perlu memakai but getah dan pakaian ladang di kawasan pengeluaran.
- e) Peralatan perlindungan persendirian (PPE) yang sesuai perlu dipakai, apabila diarahkan oleh pihak berkuasa.

### 5. BIOSEKURITI

- a) Kawasan ladang tidak mudah dimasuki oleh bukan pekerja ladang. Semua orang di ladang termasuk pelawat perlu melalui prosedur disinfeksi dan sanitasi sebelum dibenarkan masuk ke dalam kawasan pengeluaran. Pakaian dan kasut bersih yang sesuai perlu dipakai.
- b) Pergerakan orang di ladang perlu dihadkan kepada kawasan tertentu. Pergerakan melebihi kawasan ini perlu melalui prosedur disinfeksi dan sanitasi yang sesuai.
- c) Kemasukan pelawat, kenderaan, peralatan, makanan dan lain barangan ladang ke dalam ladang perlu melalui hanya satu pintu masuk sahaja.

- d) Ladang hanya ada satu pintu masuk ke dalam kawasan pengeluaran.
- e) Semua kenderaan yang masuk ke ladang perlu melalui pencelup kenderaan terletak pada pintu masuk yang mengandungi pembasmi kuman.
- f) Pencelup kaki dengan pembasmi kuman baru perlu disediakan di setiap kandang.
- g) Kandang babi dan kawasan sekeliling setiap kandang serta semua bangunan sampingan dan kawasan perkhidmatan perlu sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas.
- h) Setiap petak atau kandang perlu dicuci dan dibasmi kuman dengan sempurna antara kumpulan babi. Dinding, lantai dan semua peralatan perlu dicuci dengan bahan pencuci panas dan kemudian dibasmi kuman dengan pembasmi kuman spesifik. Perhatian tertentu perlu diberikan kepada celah, lubang dan sudut.
- i) Kemudahan dan perkhidmatan sokongan (seperti stor makanan, pejabat dan lain-lain) perlu dibina berhampiran pintu masuk ladang.

## **6. PENGENALAN TERNAKAN**

- a) Semua babi di ladang mesti dikacip telinga atau sistem yang lebih baik lagi seperti tag elektronik dengan kod ladang masing-masing.
- b) Pengenalan mesti dilakukan dengan baik dan senang dibaca.
- c) Semua babi yang akan dijual dalam tempoh satu bulan perlu ditatu dengan kod ladang masing-masing.

## **7. SANITASI**

- a) Persekitaran ladang dan kandang babi mesti bersih.
- b) Semua sampah mesti dikutip dan dibuang secara sempurna.
- c) Kemudahan pembasmi kuman yang sempurna perlu disediakan di pintu masuk ke kawasan pengeluaran (untuk orang dan kenderaan).
- d) Semua kemudahan pembasmi kuman perlu sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas.

## 8. PROGRAM KESIHATAN

- a) Setiap ladang mesti ada seorang doktor veterinar berdaftar.
- b) Status kesihatan ladang mesti diawasi untuk menilai kesihatan gerompok.
- c) Stok ternakan pembiakan baru perlu diasingkan, diuji dan diubati semasa tempoh pengasingan.
- d) Ternakan sakit perlu diasingkan dan dirawat sewajarnya.
- e) Ternakan yang mati perlu ditanam atau dibakar.
- f) Hanya ubat-ubatan, vaksin dan bahan kimia yang dibenarkan boleh digunakan.
- g) Penggunaan ubat-ubatan, vaksin dan bahan kimia perlu mengikut arahan pembuat atau syor doktor veterinar ladang.
- h) Semua babi perlu disuntik dengan vaksin demam babi.

## 9. KAWALAN MAKHLUK PEROSAK

- a) Makanan perlu disimpan dalam stor berkeadaan bersih.
- b) Stor makanan perlu ada kaedah berkesan untuk mengawal burung, tikus, lalat dan artropod lain terutama dalam menghapuskan tempat pembiakannya.
- c) Satu program pengawalan tikus yang baik perlu diselenggarakan (bersihkan makanan yang turn pah dengan segera, tukar umpan secara teratur, kawal rumput rampai di sekeliling bangunan dan lain-lain).

## 10. TERNAKAN PEMBIAKAN

- a) Babi baka pembiak yang memiliki dokumen sijil pencapaian perlu digunakan untuk membekalkan stok.
- b) Satu program pembiakan bertujuan untuk memaksimumkan produktiviti perlu dibangunkan dengan berunding dengan doktor veterinar yang layak dan saintis haiwan.

- c) jabatan Perkhidmatan Haiwan atau lain pihak berkuasa yang diluluskan perlu mengesahkan semua ternakan pembiakan bebas daripada virus Nipah dan Brucellosis.

## 11. PENGOLAHAN SISA

- a) Ladang babi tidak dibenarkan melepaskan sisa mentah atau air buangan yang tidak diolah.
- b) Semua sisa babi (pepejal dan cecair) perlu dikumpul dan diolah dengan sempurna dengan tidak menyebabkan sebarang kacau ganggu awam dan lalat membiak.
- c) Penternak perlu memasang peralatan pengasingan pepejal dan cecair untuk mengurangkan jumlah pepejal dan meningkatkan keberkesanan sistem.
- d) Saliran atau perparitan berasingan mesti dibina untuk aliran air hujan dan air buangan babi daripada setiap kandang.
- e) Air buangan babi mesti disalurkan melalui parit konkrit atau "lined drain" atau paip yang mesti sentiasa dicuci supaya tidak tersumbat.
- f) Hanya satu 'discharge point' dibenarkan di ladang.
- g) "Zero discharge" di mana air dikitar semula dan diguna sepenuhnya di ladang digalakkan.
- h) Pembuangan cecair dan pepejal akan dikawal berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen Industri) 1979, yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Penternak dibenarkan memilih sebarang sistem atau teknologi pengolahan sisa di pasaran atau disyorkan yang memenuhi keupayaan yang telah ditetapkan oleh jabatan Alam Sekitar.
- i) Efluen daripada ladang babi mesti mempunyai 'Biochemical Oxygen Demand (BOD<sub>5</sub>)' tidak melebihi 50mg/l dan lain parameter mesti juga dalam had yang telah ditetapkan oleh Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
- j) Pepejal sisa babi mesti distabilkan dan disimpan dengan sempurna di ladang tanpa mengakibatkan kecauan awam atau keadaan pembiakan lalat.

12. **PENCANCKUTAN KE RUMAH SEMBELIH**

- a) **Semua babi perlu diangkut ke rumah sembelih dalam kenderaan yang tidak menyebabkan sisa babi melimpah ke jalan.**
- b) **Ruang yang cukup perlu disediakan untuk babi.**
- c) **Pengangkutan perlu dilaksanakan pada bahagian awal hari berkenaan.**
- d) **Penjagaan perlu diberi untuk mengurangkan tekanan kepada babi semasa naik dan turun daripada kenderaan.**

13. **LATIHAN**

- a) **Setiap pekerja perlu diberi tugas dan tanggungjawab yang tertentu.**
- b) **Pengurus ladang perlu memastikan tugas pekerjaanya diseiikan.**
- c) **Ladang perlu ada dokumen program latihan atau jadual untuk pekerjaanya dalam pencegahan dan kawalan penyakit zoonotik.**
- d) **Pengurus ladang mesti melalui latihan yang disediakan oleh agensi kerajaan yang berkaitan.**

14. **REKOD**

- a) **Ladang perlu ada rekod pengeluaran termasuk rekod 'mating', rekod beranak, rekod cerai susu, rekod jualan, rekod ibu babi dan pejantan dan rekod pembuatan atau pembelian makanan.**
- b) **Rekod berkomputer sangat digalakkan.**
- c) **Ladang juga perlu simpan rekod vaksinasi, ubatan, rawatan dan simpanan drug.**

15. **LAPORAN**

- a) **Pemilik ladang/penternak perlu melaporkan setiap tahun kepada jabatan Perkhidmatan Haiwan sebarang perubahan dalam struktur ladang dan SPP tidak mengira samada tambah atau kurang.**

- b) Penternak perlu mengemaskinikan laporan bulanan dan sediakannya di ladang.
- c) Ladang perlu melaporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan dengan serta merta sebarang peningkatan mendadak kematian babi atau babi sakit atau sebarang keadaan tidak normal pada babi.
- d) Ladang perlu melaporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan individu di ladang yang dimasukkan ke hospital.

ISTILAH-ISTILAH

Cerai susu	<i>Weaning</i>	Pengasingan anak babi daripada ibu yang menyusunya.
Lantai berselat	<i>Slatted flooring</i>	Lantai yang mempunyai ruang kecil supaya sisa boleh jatuh ke bawah.
Lantai tidak berselat	<i>Unslatted flooring</i>	Lantai yang padat sepenuhnya dan mempunyai ruang kecil untuk sisa ke bawah.
GAHP	<i>Good Animal Husbandry Practices</i>	Amalan Perladangan Yang Baik.
CMP	<i>Good Manufacturing Practices</i>	Amalan Pembuatan Yang Baik.
SPP	<i>Standing Pig Population</i>	Bilangan Babi.

T